

UNSUR INTERSEMIOTIK DALAM INTERPRETASI BAHASA ISYARAT (*Intersemiotic Elements in Sign Language Interpretation*)

*Siti Zaharah Abdul Rahim¹, Leelany Ayob¹

Submitted: 18-Oct-2024
Accepted: 19-Dec-2024
Revised: 23-Dec-2024
Published: 28-Dec-2024

¹Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
11800 Pulau Pinang, Malaysia.

How to cite:

Abdul Rahim, S. Z., & Ayob, L. (2024). Unsur intersemiotik dalam interpretasi bahasa isyarat: Intersemiotic elements in sign language interpretation. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(2), 83-90.
<https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i2.242>

*Corresponding author's email: zaharah.rahim.97@gmail.com

This article is licensed under a CC Attribution 4.0

Abstrak

Bahasa isyarat merupakan bahasa komunikasi utama bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran. Menurut laporan statistik tahunan Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat (KPWM) yang dikeluarkan pada awal tahun 2023, sejumlah 42,652 OKU Pendengaran yang berdaftar di Malaysia. Kajian ini dijalankan bagi menjelaskan penggunaan unsur intersemiotik dalam bahasa isyarat dan kesannya terhadap keberkesanan penyampaian mesej dalam interpretasi bahasa isyarat. Pengkaji menggunakan pendekatan kaedah kajian kualitatif melalui protokol pemerhatian, protokol temu bual dan analisis dokumen. Dalam konteks protokol temu bual, pengkaji menemubual Jurubahasa Bahasa Isyarat Malaysia (JBIM) terpilih untuk melihat kepentingan penggunaan unsur intersemiotik dengan memberi tumpuan kepada penggunaan kelajuan isyarat, segerak bibir (*mouthing*) dan riak wajah (*facial expression*). Ketiga-tiga unsur ini dilihat penting dalam menyampaikan mesej komunikasi yang berkesan dan menyeluruh. Dalam kertas ini juga, pengkaji mengupas dan membincangkan kepentingan unsur intersemiotik dalam penyampaian emosi dalam komunikasi menggunakan bahasa isyarat. Bagi OKU Pendengaran, penggunaan emosi yang tidak dapat didengar menerusi nada suara boleh dilihat dengan jelas sekiranya pengguna bahasa isyarat meluahkan emosi komunikasi menerusi riak wajah. Emosi yang dilihat menyumbang kepada pemahaman mesej yang disampaikan dalam sesuatu komunikasi yang sedang berlaku yang mana emosi tersebut akan mengurangkan risiko berlakunya salah faham disebabkan pembacaan kod emosi yang salah oleh pengguna bahasa isyarat, terutamanya OKU Pendengaran sendiri. Oleh sebab itu, kajian ini memberi penekanan terhadap penggunaan unsur-unsur intersemiotik dan kesan unsur-unsur tersebut yang boleh membantu pengguna bahasa isyarat, khususnya jurubahasa bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan dan menyeluruh baik kepada mereka yang pekak, mahupun bukan pekak.

Kata kunci: terjemahan intersemiotik, OKU Pendengaran, bahasa isyarat, interpretasi bahasa isyarat, jurubahasa isyarat

Abstract

This study investigates the significance of intersemiotic elements in sign language, the primary communication mode for individuals with hearing disabilities. A 2023 report from the Ministry of Women, Family, and Community Development highlights that Malaysia has 42,652 registered individuals with hearing disabilities and 3,392 with speech disabilities. Employing a combination of literature review and qualitative interviews with sign language interpreters, the research focuses on the essential intersemiotic elements of signing speed, mouthing and facial expressions. These elements are crucial for effective communication, as they enhance the clarity and depth of message delivery. Additionally, the study

emphasizes the role of these intersemiotic features in expressing emotions within sign language communication. For deaf individuals, who cannot use vocal tone to convey feelings, facial expressions become vital in articulating emotions, thereby improving understanding and minimizing the potential for misunderstandings due to misinterpretation of emotional cues. By highlighting the importance of these intersemiotic elements, the research aims to enhance communication effectiveness for both deaf individuals and their hearing counterparts, particularly within the context of sign language interpretation. This exploration not only contributes to a deeper understanding of sign language as a unique communicative system but also underscores the need for interpreters to be adept in using these intersemiotic strategies to facilitate comprehensive and nuanced interactions. Ultimately, the findings advocate for a greater recognition of the complexities involved in sign language communication and the importance of emotional expression in fostering effective understanding among users.

Keywords: *intersemiotic translation, the Deaf, sign language, sign language interpreting, sign language interpreter*

1.0 PENGENALAN

Perkataan semiotik berasal daripada kata dasar sema dalam bahasa Jerman yang bermaksud lambang. Perkataan ini dirujuk para sarjana sebagai satu bidang berkaitan makna komunikasi menerusi sistem perlambangan (Gottlieb, 2018). Gottlieb (2018) menjelaskan hanya komunikasi antara pengguna bahasa isyarat dan pengguna bahasa lisan mewakili dua sistem semiotik yang boleh digelar sebagai satu terjemahan intersemiotik. Istilah terjemahan intersemiotik pertama kali diperkenalkan oleh Jakobson (1959) bersama tiga lagi istilah terjemahan yang lain iaitu terjemahan interlingual (terjemahan yang melibatkan pasangan bahasa yang berlainan seperti terjemahan Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu) dan terjemahan intralingual (terjemahan yang melibatkan pasangan bahasa yang sama seperti terjemahan Bahasa Melayu Klasik kepada Bahasa Melayu Modern). Jakobson (1959) menyatakan terjemahan intersemiotik yang merujuk kepada transmutation ataupun satu interpretasi lambang-lambang verbal menggunakan isyarat-isyarat daripada sistem isyarat bukan verbal. Keadaan ini berlaku kerana wujudnya terjemahan daripada sesuatu mesej dalam sesuatu bahasa kepada penggantian mesej dalam bahasa lain secara keseluruhan yang melibatkan dua mesej sama diterjemahkan dalam dua kod yang berbeza (Jakobson, 1959). Terjemahan intersemiotik oleh Jakobson (1959) diulas lebih lanjut oleh Andriano Clayton da Silva (2017) yang menerangkan seorang pengujar (pihak yang bercakap) menghantar mesej tentang sesuatu konteks kepada penerima melalui satu saluran menggunakan sesuatu kod, tetapi setiap elemen yang terlibat melibatkan sejenis fungsi bahasa iaitu emotif, puitis, konotatif, rujukan, fatik dan metalingual. Bagi terjemahan intersemiotik, kesemua elemen tersebut akan membawa perubahan kepada konteks, mesej, kod, saluran dan penerima hasil terjemahan yang dilakukan. Konsep asas terjemahan intersemiotik yang merupakan terjemahan perlambangan berkait rapat dengan bahasa isyarat yang merupakan bahasa visual.

Terjemahan intersemiotik dalam tafsiran bahasa isyarat menunjukkan interaksi dinamik antara sistem linguistik dan sistem semiotik bahasa tersebut. Keadaan ini memerlukan jurubahasa menyampaikan dimensi linguistik, visual dan budaya secara serentak ketika komunikasi berlangsung (Napier, 2002). Seperti bahasa lisan, bahasa isyarat juga mempunyai unsur intersemiotik yang membantu para pengguna bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan dan menyeluruh. Unsur intersemiotik dalam bahasa isyarat menyerlahkan interaksi antara pelbagai cara komunikasi dengan memperkayakan lagi isyarat yang dilakukan melebihi unsur leksikal semata-mata. Bahasa isyarat menggunakan sistem multimod yang isyarat

tangan, pergerakan, riak wajah dan postur badan memainkan peranan dalam menyampaikan maksud komunikasi (Indah Sari et al., 2023). Cohen (2016) menyatakan, riak wajah memainkan peranan penting dalam menunjukkan nada dan emosi serta mengubah makna isyarat tertentu. Tambah Perniss et al. (2010), banyak isyarat menunjukkan perwakilan visual yang mencerminkan konsep komunikasi dengan mewujudkan sambungan intuitif yang melangkaui halangan linguistik. Pengguna bahasa isyarat, baik OKU Pendengaran mahupun jurubahasa isyarat menggunakan ruang fizikal di sekeliling untuk menyampaikan konsep atau mesej komunikasi yang dilakukan. Melalui cara ini, pengguna bahasa isyarat dalam menghasilkan satu konteks komunikasi yang lebih berkesan dan menyeluruh, berbanding cuma menggunakan bahasa isyarat semata-mata.

Berdasarkan temu bual bersama responden, pengkaji mendapati terdapat tiga unsur intersemiotik yang sering berlaku dalam komunikasi menggunakan bahasa isyarat ialah kelajuan isyarat, segerak bibir (mouthing) dan riak wajah (facial expression). Seperti yang boleh dilihat dalam kaca televisyen, jurubahasa isyarat atau JBI yang menjadi sisipan sering melakukan segerak bibir yang menyamai isyarat yang sedang dilakukan dan melakukan pelbagai mimik muka atau riak wajah semasa melakukan interpretasi. Kelajuan isyarat yang dilakukan juga seringkali menyamai kelajuan penuturan bahasa sumber. Kajian ini dilakukan bagi melihat kesan-kesan unsur intersemiotik dalam komunikasi dengan OKU Pendengaran.

2.0 METODOLOGI DAN BATASAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji melakukan kajian secara kualitatif menerusi temu bual bersama 12 orang JBI yang merupakan JBI bawah naungan Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) dan guru-guru yang mengajar pelajar pekak di sekolah kebangsaan pendidikan khas dan sekolah menengah persekutuan. Kesemua JBI mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun dalam menjadi pemudahcara komunikasi antara OKU Pendengaran dan orang bukan pekak. Batasan bagi kajian ini adalah kajian ini hanya melibatkan sudut pandang JBI dan bukan dari sudut pandang OKU Pendengaran. Pengkaji melakukan temu bual bagi melihat pendekatan JBI dalam menyampaikan interpretasi yang jelas dan difahami kepada OKU Pendengaran.

3.0 ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis kajian dibuat bagi mengenal unsur intersemiotik yang wujud dalam proses interpretasi bahasa isyarat antara JBI dengan khalayak sasaran. Menerusi temu bual yang dijalankan, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat tiga jenis pendekatan intersemiotik yang sering dilakukan para JBI dalam penyampaian interpretasi bahasa isyarat iaitu (i) kelajuan isyarat, (ii) segerak bibir dan (iii) riak wajah.

3.1 Kelajuan Isyarat

Kelajuan penyampaian isyarat mempunyai pengaruh penting dalam keberkesanan komunikasi antara OKU Pendengaran dengan orang bukan pekak. Jurubahasa mesti menyampaikan interpretasi serentak dengan bahasa sumber, selain perlu memastikan bahasa sasaran (bahasa isyarat) disampaikan dengan jelas dan mudah difahami. Penyampaian isyarat yang terlalu laju boleh menyebabkan berlakunya keciciran maklumat atau konteks penting, namun penyampaian yang terlalu perlahan pula boleh mengganggu kelancaran perbualan yang membawa kepada cetusan salah faham atau kekeliruan.

Berdasarkan kajian, kelajuan penyampaian isyarat mesti dilakukan dengan teliti, bergantung kepada keupayaan jurubahasa dan OKU Pendengaran sendiri, justeru itu jurubahasa perlu cakna tentang khalayak sasaran semasa melakukan interpretasi. Dengan menjadikan sesi pembelajaran dan pengajaran (PdP) sebagai contoh, Cokely (2005) dan La Pointe (1997) menyatakan, jurubahasa perlu mengekalkan keseimbangan antara kelajuan dan ketepatan bagi memastikan pelajar pekak boleh memahami sesi PdP yang berlaku sambil menerima maklumat yang diberi secara keseluruhannya. Jurubahasa yang bekerja dalam persekitaran yang pantas seperti persidangan atau siaran langsung sering berdepan dengan tekanan yang lebih tinggi memandangkan mereka perlu menerima dan menyampaikan maklumat dengan pantas, namun penyampaian itu tetap perlu disampaikan dengan jelas (Antia & Kreimeyer, 2001).

Berdasarkan temu bual yang dilakukan, pengkaji mendapati jenis khalayak sasaran mempunyai pengaruh yang besar terhadap kelajuan penyampaian jurubahasa yang bertugas. Ketika bertugas dengan khalayak umum, para JBI menyatakan mereka perlu menyampaikan isyarat dengan laju, serentak dengan kelajuan pengujar bahasa lisan. Sekiranya mereka berlengah atau memperlambatkan penyampaian, maklumat yang diterima dalam bahasa sumber tidak dapat disampaikan dengan menyeluruh dan tepat. Selain itu, mereka juga menyatakan bahawa khalayak umum berasa lebih bosan sekiranya isyarat disampaikan dengan perlahan. Oleh hal yang demikian, maklumat yang disampaikan JBI tidak dapat diterima dengan baik oleh khalayak sasaran yang kemudiannya membawa kepada keadaan khalayak sasaran yang tidak dapat memberi tumpuan kepada konteks komunikasi.

Kelajuan penyampaian juga boleh dikaitkan dengan emosi yang terkandung dalam bahasa lisan yang diinterpretasikan. Berdasarkan temu bual yang dilakukan, kebanyakan JBI sengaja melakukan isyarat dengan kelajuan tertentu bagi menyelitkan unsur emosi dalam penyampaian. Cara ini dapat memberi ruang kepada JBI untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan. Cokely (2005) dan La Pointe (1997) menjelaskan, kelajuan penyampaian bukan tentang isyarat semata-mata. Unsur semiotik seperti riak wajah dan gerak tubuh juga perlu dilakukan serentak dengan kelajuan isyarat. Unsur semiotik ini menunjukkan emosi dalam bahasa isyarat dan kesalahan dalam kelajuan penyampaian boleh mengubah makna mesej yang diinterpretasikan (Cokely, 2005; La Pointe, 1997).

Sebagai contoh, sekiranya pengujar bahasa lisan berasa teruja dan bercakap dengan lebih laju, JBI yang bertugas juga akan mengikut pola ujaran pengujar tersebut untuk memberi gambaran tentang kelajuan percakapan pengujar kepada OKU Pendengaran. Namun begitu, aspek kategori khalayak sasaran tetap menjadi faktor penting dalam kelajuan penyampaian interpretasi. Hal ini kerana, menurut JBI yang bertugas sebagai guru-guru murid pekak, mereka menyatakan dalam peringkat pendidikan, terutamanya peringkat sekolah rendah, mereka memberi penekanan terhadap pengenalan isyarat dan kefahaman murid-murid semasa melakukan interpretasi. Kebanyakan daripada mereka akan melakukan isyarat dengan jelas dan perlahan supaya para murid mempunyai lebih banyak masa untuk mencerna maklumat atau mesej yang disampaikan oleh JBI. Oleh sebab itu, kelajuan penyampaian menjadi unsur intersemiotik penting dalam memastikan mesej disampaikan dengan berjaya kerana ia secara langsung memberi kesan kepada ketepatan, kebolehcapaian dan kejelasan terhadap keseluruhan komunikasi yang berlaku.

3.2 Segerak Bibir

Pendekatan intersemiotik kedua iaitu segerak bibir memainkan peranan penting dalam memberi penekanan terhadap kejelasan makna bahasa isyarat yang

diinterpretasikan. Cara ini sebenarnya menyediakan satu petunjuk visual yang selari dengan bahasa lisan yang digunakan kerana setiap kali JBI melakukan segerak bibir, ia dilakukan serentak dengan isyarat. Segerak bibir juga dapat mengurangkan kekeliruan bagi penggunaan isyarat-isyarat yang kelihatan serupa tetapi mempunyai makna yang pelbagai. Sutton-Spence dan Woll (2020) memberi contoh, bagi bahasa-bahasa isyarat seperti American Sign Language (ASL) dan British Sign Language (BSL), beberapa isyarat tertentu mempunyai bentuk yang sama sekiranya diisyaratkan dengan tangan semata-mata, tetapi penggunaan segerak bibir dapat membantu JBI untuk menjelaskan perkataan khusus yang mahu disampaikan oleh mereka.

Selain itu, segerak bibir turut berfungsi sebagai petanda fonologi dan prosodi dalam bahasa isyarat. Ia sering menjadi cerminan bahasa lisan dengan menunjukkan unsur-unsur berasaskan bunyi seperti struktur suku kata dan intonasi yang tidak wujud dalam isyarat tangan (Ebbinghaus & Hessmann, 2001). Menurut Boyes Braem (2001), segerak bibir membantu JBI untuk menyediakan interpretasi yang lengkap secara linguistik, terutamanya dalam konteks yang memerlukan penelitian secara fonologi seperti interpretasi nama, istilah atau konsep yang rumit. Segerak bibir juga penting dalam penyampaian nahu bahasa. Ia boleh menandakan ketegangan, gandaan dan penekanan yang tidak boleh disampaikan melalui isyarat tangan semata-mata. Struxness (1996) dan Boyes Braem (2001) menyatakan, segerak bibir mungkin boleh digunakan untuk mengubah kata nama mengikut kesesuaian atau menjelaskan sesuatu tindakan yang pernah berlaku atau sesuatu tabiat. Oleh sebab itu, segerak bibir penting digunakan dalam menyampaikan maklumat bernuansa yang mungkin hilang sekiranya JBI menggunakan isyarat tangan sahaja. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati JBI yang merupakan guru-guru pelajar pekak lebih cenderung melakukan segerak bibir berbanding JBI yang bertugas untuk melakukan interpretasi buat khalayak umum. Malah, ada di antara mereka yang melakukan isyarat tangan sambil menyuarakan maksud isyarat-isyarat tersebut supaya khalayak sasaran yang mempunyai masalah kurang pendengaran boleh mendengar dan memahami isyarat yang dilakukan.

Satu lagi kesan segerak bibir dalam tafsiran bahasa isyarat adalah untuk menyelaraskan penyampaian dengan jangkakan budaya dan linguistik bagi kedua-dua khalayak pekak dan khalayak bukan pekak. Terutamanya bagi khalayak pekak menguasai bahasa lisan, mereka sering bergantung pada segerak bibir yang dilakukan untuk memadankan isyarat JBI dengan perkara yang mereka ketahui dalam bentuk lisan. Oleh sebab itu, segerak bibir dapat memudahkan khalayak pekak dalam mengakses dan memahami mesej yang disampaikan JBI (Sutton-Spence & Woll, 2020; Struxness, 1996). Di samping itu, segerak bibir juga menyerlahkan retorik penyampaian dan emosi dalam hasil interpretasi. Menggunakan kelajuan, intensiti dan artikulasi segerak bibir, JBI boleh meluahkan atau menekankan aspek emosi yang tidak boleh disampaikan isyarat tangan secara menyeluruh (Sutton-Spence & Woll, 2020).

3.3 Riak Wajah

Riak wajah dalam bahasa isyarat bukan sekadar menyampaikan isyarat emosi, ia juga merupakan komponen penting dalam penyampaian tatabahasa, wacana serta makna komunikasi. Tidak seperti bahasa lisan yang menggunakan intonasi atau penekanan perkataan untuk mengubah makna, bahasa isyarat sangat bergantung kepada riak wajah dalam memberi isyarat struktur tatabahasa dan nuansa emosi dalam komunikasi. Riak wajah juga penting dalam menjelaskan niat, menandakan soalan, menyatakan penolakan atau menunjukkan pernyataan bersyarat (Buanes Duke, 2020). Riak wajah amat diperlukan dalam menyatakan makna di luar gerak isyarat yang dilakukan. Menurut Hodge dan Cormier (2021), riak wajah berfungsi

sebagai penanda bukan manual yang beroperasi seiring dengan tanda manual bahasa untuk menyampaikan mesej yang lengkap yang boleh mengubah makna isyarat, menentukan jenis ayat (seperti ayat tanya atau ayat nyata) dan mencerminkan intensiti atau modaliti (seperti ketidakpastian atau kepastian) dalam sesuatu komunikasi.

Sebagai contoh, mengerutkan wajah semasa menggunakan bahasa isyarat boleh menandakan pengujar ingin bertanya atau tidak bersetuju dengan sesuatu. Fenlon et. al. (2023) memberi contoh, dalam BSL, riak wajah seperti mengangkat kening diperlukan untuk struktur tatabahasa seperti penolakan atau pembentukan soalan. Tambahnya lagi, ketiadaan riak wajah dalam komunikasi bahasa isyarat boleh menjadikan penyampaian mesej yang tidak jelas atau tidak lengkap. Berdasarkan hasil temu bual, pengkaji mendapati para JBI mengakui bahawa riak wajah sememangnya membawa fungsi tatabahasa dalam penyampaian interpretasi. Selain melambangkan ayat tanya, riak wajah juga memberi memberi isyarat bersyarat, menunjukkan penolakan dan topik komunikasi. Ketidadaan riak wajah atau salah tafsiran riak wajah boleh menyebabkan kekeliruan atau kehilangan makna, justeru menyerlahkan peranan asas riak wajah dalam penyelarasan dan kejelasan wacana bahasa isyarat (Kimmelman & Nazarbayev University, 2020). Sebagai contoh, para JBI menyatakan sekiranya pernyataan negative perlu dibuat, kebiasaannya isyarat yang dilakukan oleh mereka akan disisipkan bersama gelengan kepala bagi membantu khalayak mentafsir makna isyarat tersebut.

Dari segi terjemahan intersemiotik, riak wajah membantu JBI dalam penukaran mod yang berlaku dalam interpretasi. Riak wajah bukan sahaja menjadi penanda emosi, tetapi penting untuk menyampaikan maklumat dan penekanan bahasa. Interpretasi riak wajah dalam bahasa isyarat dengan betul dan lengkap adalah penting bagi memastikan makna penuh mesej asal dapat disampaikan JBI dengan baik. Menurut Buanes Duke (2020) dan Kimmelman dan Nazarbayev University (2020), riak wajah menyumbang kepada makna seperti isyarat tangan, menandakan unsur linguistik kritikal seperti soalan, penafian atau penekanan. Sebagai contoh, apabila bahasa lisan ditafsirkan menjadi bahasa isyarat, JBI bukan sahaja perlu melakukan interpretasi perkataan, tetapi juga menyampaikan emosi, niat dan penekanan penutur asal menggunakan riak wajah yang sesuai. JBI berdepan dengan cabaran yang sama apabila melakukan interpretasi daripada bahasa isyarat kepada bahasa lisan kerana JBI perlu memahami maksud riak wajah yang disampaikan dalam komunikasi yang berlaku (Valli et al. 2000).

4.0 RUMUSAN

Kelajuan penyampaian, segerak bibir dan riak wajah merupakan unsur intersemiotik yang penting dalam komunikasi bahasa isyarat yang berkesan. Kelajuan isyarat yang disampaikan boleh mempengaruhi kejelasan dan penerimaan mesej dengan ketara. Penyampaian yang terlalu laju boleh menyebabkan kesalahan pentaksiran makna, terutamanya bagi ayat yang kompleks atau untuk khalayak yang baharu. Kelajuan penyampaian yang sesuai menjadikan penyampaian JBI lebih jelas dan tersusun. Kelajuan penyampaian juga mempengaruhi sejauh mana JBI boleh menggabungkan elemen intersemiotik yang lain seperti ekspresi muka yang penting dalam penyampaian tatabahasa yang jelas dan emosi dalam komunikasi.

Segerak bibir atau bertutur tanpa bunyi yang dilakukan seiring isyarat menambah satu lagi lapisan makna dan membantu khalayak untuk lebih memahami konteks komunikasi bahasa isyarat. Penggunaan segerak bibir bukan sahaja membantu orang kurang pendengaran, tetapi turut membantu OKU Pendengaran sepenuhnya dalam mengikuti penyampaian interpretasi JBI. Segerak bibir sering

mengiringi isyarat-isyarat khusus bahasa dalam memberikan isyarat tambahan, meembantu menjelaskan isyarat-isyarat yang kurang jelas atau mengukuhkan konsep komunikasi tertentu. Malah, segerak bibir juga berfungsi menjadi perantaraan antara bahasa lisan dengan bahasa isyarat, menjadikan penyampaian interpretasi lebih mudah untuk khalayak yang bercampur, termasuk mereka yang pekak atau kurang pendengaran.

Di samping itu, riak wajah yang juga merupakan unsur intersemiotik dalam penyampaian bahasa isyarat dapat menyampaikan maklumat penting tentang nada emosi, tatabahasa dan penekanan mesej. Riak wajah sering digunakan untuk bertanya soalan, penafian dan pernyataan bersyarat serta mengubah suai makna isyarat tangan dengan mengikuti intonasi bahasa lisan yang berlaku dalam konteks komunikasi. Gabungan riak wajah, kelajuan penyampaian dan gerak bibir membolehkan JBI menyampaikan pelbagai makna komunikasi, baik dari aspek linguistik mahupun emosi.

Kesimpulan daripada kajian ini, pengkaji mendapati kelajuan penyampaian, gerak bibir dan riak wajah memainkan peranan dalam memastikan hasil interpretasi yang berlaku dapat disampaikan dengan benuansa dan lengkap. Ketiga-tiga unsur intersemiotik ini boleh meningkatkan kejelasan mesej, justeru menjadikan komunikasi yang berlaku sebagai komunikasi yang ekspresif dan sarat dengan mesej. Keseimbangan yang betul antara ketiga-tiganya sangat penting bagi menyampaikan interpretasi yang tepat dan mudah difahami, terutamanya dalam tafsiran profesional dan konteks pendidikan. Kajian ini diharapkan dapat membantu pengguna bahasa isyarat yang bukan pekak, terutamanya JBI dalam menerapkan unsur-unsur intersemiotik semasa melakukan interpretasi atau berkomunikasi dengan khalayak yang pelbagai supaya segala mesej atau konteks interaksi yang berlaku dapat disampaikan dengan jelas dan menyeluruh.

5.0 PENGHARGAAN

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Malaysia yang membenarkan kajian ini dilakukan, pihak Persatuan OKU Pendengaran Malaysia, Sekolah Menengah Persekutuan Pulau Pinang dan pihak Sekolah Rendah Pendidikan Khas Alor Setar yang memberi kerjasama dalam membantu pengkaji melakukan kajian ini.

6.0 RUJUKAN

- Antia, S., & Kreimeyer, K. (2001). Roles of sign language interpreters in educational settings. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, 11(4), 421–429.
- Boyes Braem, P. (2001). Functions of mouthings in the signing of deaf early and late learners of Swiss German Sign Language dalam *The hands are the head of the mouth: The mouth as articulator in sign languages*. New Hampshire: Signum Press.
- Cohen, A. (2016). *Sign language structure and sociolinguistics*. New York: Routledge.
- Cokely, D. (2005). The contribution of sign language interpreters to academic achievement of deaf students. *International Journal of Science and Research*, 12(11), 82.
- Ebbinghaus, H., & Hessmann, J. (2001). Sign language mouthing and speech-gesture relationship dalam *Sign Language and Linguistics*, 4(1/2), 123-156.
- Fenlon, J., et al. (2023). Non-manual signals in British Sign Language: A corpus-based study of grammatical facial expressions. *Sign Language Studies*, 24(1), 112-132.

- Gottlieb H. (2018). Semiotics and translation dalam Malmkjaer K. (Ed.), *The routledge handbook of translation studies and linguistics*. New York: Routledge.
- Hodge, G. & Cormier, K. (2021). Non-manual signals in sign language: The role of facial expressions in grammatical structure. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, 26(2), 145-162.
- Indah Sari et al. (2023). Sistem pengembangan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan penyandang disabilitas (Tunarungu). *Journal of Information Technology and society (JITS)*, 1(1), 20-25.
- Jakobson, R. (1959). On linguistic aspects of translation dalam Brower R. (Ed.), dalam *Translation* (pp. 232-239). Massachusetts, Harvard University Press.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2021). 'Suara' golongan OKU pendengaran boleh didengari menerusi pembelajaran Bahasa Isyarat Malaysia. Satu siaran media.
- Kendon, A. (2004). *Gesture: Visible action as utterance*. Cambridge: Cambridge University Press.
- La Pointe, M. (1997). The complexities of sign language interpreting. *Unspoken Language Services*. Diambil daripada laman web <https://www.unspokenasl.com>.
- Napier, J. (2002). *Sign language interpreting: Linguistic coping strategies*. Washington: Gallaudet University Press.
- Perniss, P. et al. (2010). *Sign language: An international handbook*. Berlin: De Gruyter Mouton.
- Schlenker, P. (2015). *The Language of Sign*. Oxford: Oxford University Press.
- Struxness, K. (1996). *Mouth morphemes in American Sign Language*. New Mexico: Debee Communications.
- Sutton-Spence, R., & Woll, B. (2016). *The linguistics of British Sign Language: An introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Thompson, B. (2022). Semiotic translation of facial expressions in sign language interpretation: Challenges and strategies. *Interpreting: International Journal of Research and Practice in Interpreting*, 24(3), 215-232.
- Valli et al. (2000). *Linguistics of American Sign Language: An introduction*. Washington: Gallaudet University Press.